

17 MAY 2001

AGONG, PM HANTAR UCAP TAHNIAH KEPADA NORWAY

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghantar perutusan tahniah kepada Raja Norway Harald V sempena Hari Perlembagaan negara itu.

"Sempena sambutan Hari Perlembagaan Norway, beta ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan mendoakan agar Tuanku diberkati dengan kesihatan yang baik dan semoga rakyat Norway menikmati keamanan dan kemakmuran berkekalan," titah Seri Paduka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Norway Jens Stoltenberg berkata beliau yakin bahawa di bawah kepimpinan Stoltenberg, hubungan rapat dan mesra antara Malaysia dan Norway akan dapat diperluaskan dan diperkukuhkan lagi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Thorbjorn Jagland berkata Malaysia dan Norway telah menikmati hubungan yang mesra sejak sekian lama.

"Saya yakin hubungan rapat menerusi semangat setiakawan dan persefahaman yang wujud antara kedua-dua negara akan terus terjalin dan memperkukuhkan lagi kepentingan bersama kita," katanya.

-- BERNAMA

SHS ES RHM